



**PEJABAT DAERAH DAN TANAH KULIM
09000 KULIM
KEDAH DARUL AMAN
TEL: 04-702 9080/FAX: 04-702 9060**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman (keutamaan akan diberikan kepada anak Negeri Kedah Darul Aman) seperti yang dinyatakan di bawah ini:-

PEMBANTU AWAM / GRED H11

KLASIFIKASI	:	PERKHIDMATAN KEMAHIRAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
KELAYAKAN	:	PT3/ PMR/ SRP
TARAF JAWATAN	:	TETAP

1. Syarat Lantikan :-

- a) Warganegara Malaysia
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan
- c) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada gred H11 : RM1,218.00)
- d) Calon hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2. Cara Memohon

- 2.1 Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi **Borang Permohonan** yang boleh dimuat turun melalui laman sesawang <https://webpdt.kedah.gov.my> (Di ruangan Iklan Jawatan Kosong) atau boleh didapati di **Kaunter Aras 1 Pejabat Daerah Dan Tanah Kulim *mulai 1 OKTOBER 2023***
- 2.2 Semua maklumat yang diberikan di dalam borang permohonan hendaklah benar. Jika terdapat sebarang penipuan di dalam maklumat yang diberikan, permohonan akan dibatalkan serta merta dan nama pemohon akan disenarai hitamkan.
- 2.3 Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat di dalam perkhidmatan tetap, sementara dan kontrak hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut peruntukan dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Perlantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 dan Ketua Jabatan dikehendaki mengemukakan permohonan itu bersama-sama dengan salinan **KENYATAAN PERKHIDMATAN** (disediakan, disahkan dan ditandatangani oleh pihak pejabat yang menyimpan Buku Perkhidmatan) dan salinan **LAPORAN PENILAIAN PRESTASI**. Permohonan calon-calon tanpa disertakan dengan salinan Kenyataan Perkhidmatan dan salinan Laporan Penilaian Prestasi dianggap tidak lengkap dan tidak akan diberi pertimbangan.
- 2.4 Semua permohonan hendaklah disertakan salinan dokumen-dokumen berikut yang telah disahkan bersama-sama borang permohonan;
 - a) Sekeping gambar (terbaharu) berukuran passport
 - b) Salinan Kad Pengenalan
 - c) Salinan Sijil Pendaftaran/Sijil Lahir
 - d) Salinan Sijil Berhenti Sekolah
 - e) Salinan Kenyataan Perkhidmatan dan Laporan Sulit yang terkini bagi calon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan

2.5 Borang Permohonan hendaklah diisi dengan lengkap bersama-sama dengan salinan sijil yang disahkan dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan. Dikemukakan dengan menggunakan sampul surat berukuran 229mm x 423mm dan dilekatkan dengan setem yang mencukupi; Dipenjuru atas sebelah kiri sampul surat berkenaan hendaklah ditulis **HURUF BESAR** yang jelas, **NAMA JAWATAN YANG DIPOHON**

2.6 Semua permohonan yang **TELAH LENGKAP** diisi, sila majukan ke alamat berikut:

**TUAN PEGAWAI DAERAH,
PEJABAT DAERAH DAN TANAH KULIM,
09000 KULIM
KEDAH DARUL AMAN.**

3. Tarikh Tutup Permohonan

Tarikh tutup permohonan ialah pada **15 OKTOBER 2023 (AHAD) jam 12.00 tengahari.**

4. Permohonan Yang Ditolak

4.1 Permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan dalam Skim Perkhidmatan;

4.2 Permohonan yang dibuat dengan tidak mengisi borang dengan lengkap serta menyertakan dokumen-dokumen tidak jelas;

4.3 Permohonan yang dibuat tanpa melalui Ketua Jabatan bagi Pegawai yang sedang berkhidmat atau pun melalui Ketua Jabatan tetapi tidak disertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan dan Laporan Penilaian Prestasi;

4.4 Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup permohonan.

5. Pemberitahuan Mengenai Calon Yang Tidak Berjaya

Calon yang tidak dipanggil temuduga kerana tidak memenuhi syarat Asas Tapisan hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA** jika tidak menerima sebarang makluman selepas 6 bulan dari tarikh tutup iklan